

Adam Badrulhisham & Khadijah, "Konsep Roh Suci menurut Islam dan Kristian," *Afkār* Vol. 20 Issue 1 (2018): 85-108

KONSEP ROH SUCI MENURUT ISLAM DAN KRISTIAN

THE CONCEPT OF HOLY SPIRIT
IN ISLAM AND CHRISTIAN

Adam Badhrulhisham & Khadijah Mohd
Khambari@Hambali***

*University College of Islam Melaka. 78200. Melaka.
Malaysia.

**Department of `Aqidah & Islamic Thought. Academy of
Islamic Studies. University of Malaya. 50603. Kuala
Lumpur. Malaysia.

Email: *adambadhrul@kuim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no1.3>

Khulasah

Rūh al-Qudus atau *Holy Spirit* membawa pengertian yang sama dari sudut bahasa iaitu roh suci. Konsep ini wujud dalam agama Islam dan Kristian selaku agama yang mempunyai hubungan yang rapat dari sudut sejarah dan kepercayaan. Namun terdapat perbezaan besar antara konsep ini menurut kedua-dua agama yang mengakibatkan kekeliruan dan salah faham yang membawa impak yang besar dalam kehidupan beragama. Artikel ini bertujuan menjelaskan perbezaan ini dengan menggunakan metode kualitatif perbandingan. Secara umumnya dapat dilihat kedua konsep ini mempunyai perbezaan yang amat ketara iaitu dalam konsep ketuhanan walaupun berkongsi istilah yang serupa. *Rūh al-Qudus* dalam Islam merujuk kepada malaikat Jibril manakala *Holy Spirit* pula merujuk kepada zat Tuhan. Hal ini perlu dijelaskan bagi mengelakkkan sebarang kekeliruan dan salah faham dalam konteks kehidupan beragama.

Kata kunci: Roh suci; *rūh al-Qudus*, *Holy Spirit*, Jibril, Islam dan Kristian.

Abstract

In the context of language, *Rūḥ al-Qudus* or Holy Spirit carries the same meaning. This concept exists in Islam and Christianity as the religions that have a distinct relationship from the context of history and belief. But there is a big difference between the concepts that brought up confusion and misunderstanding. It also has a direct impact in interfaith life. This article aims on explaining the differences using comparative qualitative methods. In general, it can be seen that these two concepts have a very significant difference, namely, in divine concepts, even sharing similar terms. *Rūḥ al-Qudus* in Islam refers to the angel Gabriel while the Holy Spirit refers to the substance of God. This should be explained to avoid any confusion and misunderstanding in the context of interfaith relation.

Keywords: *Rūḥ al-Qudus*; Holy Spirit; Jibril; Islam; Christianity.

Pendahuluan

Islam sebagai agama terakhir dalam kalangan agama samawi sering dikatakan menerima pengaruh agama terdahulu (Yahudi dan Kristian). Kesempatan Nabi Muhammad SAW untuk berdagang di sekitar Tanah Arab menjadi alasan dakwaan bahawa baginda menerima pengaruh ahli Kitab dalam intipati agama Islam.¹ Hal ini disebabkan Islam dan Kristian (dan Yahudi) sememangnya berkongsi banyak perkara yang sama sekalipun hakikat dan intipatinya berbeza.

Antara yang menjadi titik persamaan ialah berkenaan roh suci. Roh suci atau *Rūḥ al-Qudus* ataupun *Holy Spirit* merupakan konsep yang wujud dalam agama Islam dan Kristian. Konsep ini menjadi asas kepada pembentukan kepercayaan agama Kristian kerana ia dianggap sebagai

¹ Judy Tao Shih-Ching, "The Holy Spirit in the Qur'an: An Assessment From a Christian Perspective", (Disertasi Sarjana, University of Stellenbosch, South Africa, 2006).

salah satu daripada oknum tuhan yang membentuk fahaman *trinity*. Begitu juga dengan konsep *Rūh al-Qudus* dalam Islam, meskipun berlainan dengan konsep agama Kristian, ia mempunyai peranan yang cukup penting sebagai malaikat yang membawa risalah kepada para nabi sebagai panduan untuk umat manusia. *Holy Spirit* pula secara asasnya ialah roh tuhan yang memandu penganut Kristian seperti mana ia memandu Jesus Christ dalam misinya di dunia.²

Uniknya, kedua-dua agama menggunakan penamaan yang sama terhadap dua entiti yang diertikan dengan cukup berbeza. Perkara ini berkemungkinan mencetuskan kekeliruan dalam menanggapi hakikat roh suci menurut satu-satu agama seperti mana yang pernah berlaku pada tahun 1997 di Indonesia apabila seorang wanita Muslimah mendakwa beliau didampingi oleh Jibril.³ Dalam kes ini dapat dilihat pemahaman roh suci menurut Kristian telah digunakan dalam kepercayaan seorang Muslim di Indonesia. Oleh itu penulisan ini cuba mengupas perbandingan konsep roh suci daripada perspektif kedua-dua agama iaitu Islam dan Kristian.

***Rūh al-Qudus* dalam Islam**

i. Definisi *Rūh*

Menurut Ibn Fāris, kalimah *rūh* berasal daripada *al-riḥ* (الريح) yang merujuk kepada angin. Menurut beliau, huruf *yā* (ي) ditukarkan daripada *waw* (و) untuk disesuaikan dengan huruf *rā* (ر) yang berbaris bawah.⁴ Beliau juga menyatakan kalimah *rūh* merujuk kepada nafas manusia.

² Marry Ellen Pereira, "The Holy Spirit in the Gospel of John", *Leaven*: Vol. 12: (Iss. 3, 2004), article 5.

³ Fatwa Dewan Pimpinan Majlis Ulama Indonesia tentang Malaikat Jibril Mendatangi Manusia, dicapai 17 November 2017, <http://mui.or.id/wp-content/uploads/2014/05/09.-Fatwa-Dewan-Pimpinan-MUI-Tentang-Malaikat-Jibril-Mendamp.pdf>.

⁴ Abū al-Ḥusayn Aḥmad Ibn Fāris, *Mu'jam Miqyās al-Lughah*, jil. 2 (Damsyik: Dār al-Fikr, 1979), 454.

Ibn Manzūr menyentujui pandangan ini dengan berpendapat (الريح) berasal daripada kalimah (رُوح) yang bermaksud angin, dan apabila digandingkan dengan manusia ianya bermaksud nafas. Ianya sebagai nafas yang dihirup oleh manusia yang mengalir dalam jasad manusia sehingga membuatkannya hidup.⁵ Al-Rāghib al-Asfahānī pula menyatakan *rūh* ialah salah satu nama bagi nafas seperti mana nama-nama yang diberikan kepada objek-objek yang berbeza dalam kelompok yang sama.⁶

ii. *Rūh* dalam al-Qur'an

Walau bagaimanapun kalimah *rūh* dalam al-Qur'an tidak terhad kepada angin atau nafas yang membuatkan seseorang itu hidup semata-mata. Ia boleh membawa maksud yang pelbagai antaranya:

1. Makhluk ciptaan Allah yang tidak diketahui hakikatnya oleh manusia.⁷ Keadaan ini merujuk kepada kalimah roh dalam ayat surah al-Nisā':

إِنَّمَا الْمَسِيحُ عِيسَى اُبْنُ مَرْيَمَ رَسُولُ اللَّهِ وَكَلِمَتُهُ
أَلْقَاهَا إِلَى مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِّنْهُ

Terjemahan: "Sesungguhnya al-Masih Isa Ibni Maryam itu hanya seorang pesuruh Allah dan kalimah Allah yang telah disampaikanNya kepada Maryam, dan (ia juga tiupan) roh daripadanya."

Al-Nisā' (4): 171

2. Wahyu, kenabian, al-Qur'an dan perintah kerana kesemua ini dapat menghidupkan jiwa yang kufur

⁵ Ibn Manzūr, Abū Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram, *Lisān al-'Arab*, jil. 5, cet. 3 (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, 2012), 356.

⁶ Al-Rāghib al-Asfahānī, *Mufradāt Alfāz al-Qur'ān* (Damsyik: Dār al-Qalam, 2009), 369.

⁷ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, 356.

sepertimana roh yang menghidupkan jasad. Kalimah *rūh* dalam makna ini dapat dilihat dalam ayat:

يُنَزِّلُ الْمَلِّيْكَةَ بِالرُّوْحِ مِنْ أَمْرِهِ عَلَىٰ مَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ أَنْ أَنذِرُوا أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاتَّقُونَ

Terjemahan: "Dia menurunkan malaikat membawa wahyu dengan perintahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambaNya (yang layak menjadi Rasul); (lalu ia berfirman kepada rasul-rasul): "Hendaklah kamu menegaskan kepada umat manusia bahawa tiada Tuhan melainkan Aku. Oleh itu, bertaqwalah kamu kepadaku."

Al-Nahl (16): 2

3. Kalimah *rūh* ada ketikanya membawa maksud rahmat:

يَبِينُ أَذْهَبُوا فَتَحَسَّسُوا مِنْ يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَأْمُرُ إِسْرَاعِيْلَ مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِنَّهُ لَا يَأْمُرُ إِسْرَاعِيْلَ رَوْحُ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَفِرُوْنَ

Terjemahan "Dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir."

Yūsuf (12): 87

4. Membawa maksud malaikat, khususnya malaikat Jibril. Ini dapat dilihat dalam firman Allah SWT:

تَنَزَّلُ الْمَلِّيْكَةَ وَالرُّوْحُ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ

Terjemahan: "Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana

membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut)."

Al-Qadr (97) :5

iii. *Rūh al-Qudus dalam al-Qur'an*

Rūh al-Qudus secara literalnya bermaksud roh suci atau *holy spirit*. Kalimah *Rūh al-Qudus* disebutkan dalam al-Quran secara spesifik sebanyak 4 kali iaitu dalam surah al-Baqarah, surah al-Nisā', surah al-Mā'idah dan surah al-Nahl.⁸ Dalam surah al-Baqarah dinyatakan:

وَلَقَدْ ءاتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَقَفَّيْنَا مِنْ بَعْدِهِ
بِالرُّسُلِ وَءاتَيْنَا عِيسَى اُبْنَ مَرْيَمَ الْبَيْنَتِ وَأَيَّدْنَاهُ
بِرُوحِ الْقُدْسِ إِنَّا كُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهُوَى
أَنفُسُكُمُ أَسْتَكِبْرُّهُمْ فَقَرِيقًا كَذَبْتُمْ وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ

Terjemahan: "Dan sesungguhnya Kami telah memberikan kepada Nabi Musa kitab Taurat, dan Kami irangi kemudian daripadanya dengan beberapa orang rasul, dan Kami berikan kepada Nabi Isa ibni Maryam beberapa mukjizat serta Kami teguhkan kebenarannya dengan *Rūh al-Qudus* (Jibril), maka patutkah, tiap-tiap kali datang kepada kamu seorang rasul membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu (dengan) sombang takbur (menolaknya), sehingga sebahagian dari rasul-rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya?"

Al-Baqarah (2): 87

Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī dalam tafsirnya *Tafsīr al-Kabīr* menyatakan terdapat beberapa pendapat mengenai

⁸ Muhammad Fu'ād `Abd al-Bāqī, *al-Mu'jam al-Mufahris li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1996), 326.

perkataan *Rūh al-Quđus* dalam ayat ini. Pertama, ia dimaksudkan dengan malaikat Jibril 'alayh al-salām (AS). Kedua, ianya merujuk kepada kitab Injil yang diturunkan kepada Nabi Isa AS. Ketiga, ianya adalah kalimah yang digunakan oleh Nabi Isa AS untuk menghidupkan orang yang mati sebagai salah satu mukjizat baginda. Dan keempat, ianya merujuk kepada roh yang ditiupkan ke dalam tubuh baginda (Nabi Isa) dan dipadankan dengan kalimah *al-quđs* (suci) sebagai kemuliaan dan penghormatan kepada baginda. Pendapat terakhir ini menjadi pilihan beberapa ulama' seperti al-Baghawī⁹ dan al-Burūsawī¹⁰.

Al-Suyūtī juga menukilkan riwayat yang menyokong pendapat ini sebagai pendapat pertama beliau dalam kitabnya *al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr*.¹¹ Begitu juga dengan al-Zamakhsharī, beliau memilih pandangan ini sebagai pendapat pertama dalam tafsirnya. Menurut beliau perkataan 'suci' menunjukkan keakraban dan kemuliaan Nabi Isa AS di sisi Allah.¹²

Walau bagaimanapun kebanyakan ulama mentarikhkan pendapat yang pertama termasuk al-Rāzī. Ini adalah berpandukan beberapa sebab: Pertama, berdasarkan kesesuaian konteks ayat. Dalam ayat tersebut, disebutkan *Rūh al-Quđus* sebagai yang 'meneguhkan kebenarannya' (وَأَيْمَنُهُ بُرُوجُ الْقَدِيسِ) dan ianya difahami sebagai satu bentuk bantuan dan pertolongan yang sudah pastinya lebih sesuai

⁹ Abū Muħammad al-Ḥusayn bin Mas'ūd al-Baghawī, *Ma 'ālim al-Tanzīl* (Riyadh: Dār Tayyibah, 1988), 120.

¹⁰ Ismā'īl Haqqī al-Burūsawī, *Tafsīr Rūh al-Bayān* (Dār 'Uthmaniyyah, t.t), 177.

¹¹ Jalāl al-Dīn al-Suyūtī, *al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr*, jil. 1 (Kaherah: Markaz Hajar li al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-'Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2003), 459.

¹² Abū al-Qāsim Maħmūd bin 'Umar al-Zamakhsharī, *al-Kashshāf 'an Haqā'iq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwil fi Wujūh al-Ta'wil* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2009), 85.

dengan pemaknaannya sebagai Jibril AS.¹³ Kedua, hakikat kejadian Jibril AS yang diciptakan daripada cahaya yang bersifat rohani. Oleh itu penggunaan kalimah *rūh* lebih tepat merujuk kepadaanya berbanding manusia mahu pun Injil yang merupakan sesuatu yang bersifat fizikal. Perkara ini diperkuatkan lagi dengan penggunaan *Rūh al-Qudus* dalam ayat di dalam surah al-Nahl:

قُلْ نَّزَّلَهُ وَرُوحُ الْقُدُسِ مِنْ رَّبِّكَ يَا لَّهُقِ لِيُثِّبَتُ الَّذِينَ
عَامَّوْنَا وَهُدَىٰ وَبُشِّرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): al-Qur'an itu diturunkan oleh *Rūh al-Quds* (Jibril) dari Tuhanmu dengan cara yang sungguh layak dan berhikmah, untuk meneguhkan iman orang-orang yang beriman, dan untuk menjadi hidayah petunjuk serta berita yang mengembirakan bagi orang-orang Islam."

Al-Nahl (16): 102

Ketiga, dalam beberapa ayat lain, penggunaan kalimah *rūh* merujuk kepada Jibril (surah al-Shu'ara' dan surah Maryam). Persandaran kalimah *al-quds* (suci) dalam ayat pula adalah kerana hakikat Jibril yang sentiasa suci daripada dosa.¹⁴ Penggunaan kalimah *rūh* (nafas yang menghidupkan) juga bertepatan dengan hakikat tugas Jibril kerana Jibril diamanahkan untuk membawa wahyu yang menghidupkan hati manusia yang mati.¹⁵ Oleh itu *Rūh al-Qudus* dalam al-Qur'an dilihat lebih tepat sebagai merujuk kepada malaikat Jibril.

¹³ Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Tafsīr al-Kabīr wa Maṣātiḥ al-Ghayb*, jil. 3 (Beirut: Dār al-Fikr, 1981), 190-191.

¹⁴ Al-Zamakhsharī , *al-Kashshāf*, 584.

¹⁵ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, 463.

iv. Malaikat Jibril dalam Islam

Rūh al-Qudus menurut Islam merujuk kepada Jibril iaitu salah satu malaikat yang diciptakan. Malaikat adalah makhluk ciptaan Allah SWT daripada cahaya yang berjism halus, tinggal di langit dan boleh menyerupai pelbagai bentuk.¹⁶ Sebagai makhluk Allah, semestinya ia mempunyai kewajipan dan tertakluk kepada perintah Allah SWT.

Jibril dianggap sebagai makhluk istimewa yang menduduki darjat yang sangat mulia di sisi Allah SWT. Jibril merupakan salah satu daripada *Ruasā' al-Malāikah* (ketua malaikat) yang empat. Mereka juga digelar sebagai *al-'Uzamā' al-Arba'ah* (empat malaikat yang agung). Mereka ialah Jibril, Mikail, Israfil dan malaikat maut.¹⁷ Dalam sebuah hadis ada disebutkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "*Makhluk yang paling akrab dengan Allah SWT ialah Jibril, Mikail dan Israfil.*" Dalam riwayat lain apabila ditanyakan kepada Jibril siapakah makhluk yang paling hampir di sisi Allah SWT Jibril menjawab "*Makhluk yang paling hampir ialah Jibril, Mikail, Israfil dan malaikat maut.*"¹⁸

Kalimah Jibrīl (جبريل) diulang sebut secara literal dalam al-Quran sebanyak tiga kali iaitu dua kali dalam surah al-Baqarah dan satu kali dalam surah al-Tahrīm.¹⁹ Perkataan Jibrīl adalah nama bukan arab (*a'jamī*) yang bersifat tidak berubah (*mamnū' min al-sarf*) disebabkan ianya kata nama khas. Al-Alūsī menyatakan terdapat tiga belas cara sebutan Jibril iaitu Jibrīl (جبريل), Jabrīl (جبriel),

¹⁶ Al-Rāzī, *al-Kabīr*, 175.

¹⁷ Malaikat maut tidak disebutkan secara literal namanya dalam al-Qurān dan Hadis seperti mana Jibril, Mikail dan Israfil. Namun begitu nama Izra'il terdapat dalam beberapa *athār*. Mustafā 'Āshūr, 'Ālam al-Malāikah Asrāruh wa Khafāyāh (Kaherah: Maktabah al-Qur'ān, t.t), 31.

¹⁸ Al-Suyūtī, *al-Durr al-Manthūr*, 495.

¹⁹ Muhammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, *al-Mu'jam*, entri ج ب ر ي ل، 163.

Jabra'ill (جَبْرِيلُ), Jabra'il (جَبْرِيلُ), Jibrail (جَبْرِيلُ), Jibrayil (جَبْرِيلُ), Jibrīl (جَبْرِيلُ), Jibrīn (جَبْرِينُ), dan Jibrayn (جَبْرِينُ).²⁰

Jibrail secara umumnya diterima sebagai bermaksud 'Abd Allāh iaitu hamba Allah. Ianya berasal daripada dua suku kata iaitu *Jibr* (جَبْر) dan *il* (يَلِ) yang bermaksud hamba Tuhan. Menurut al-Khāzin maksud Jibril sama dengan Mikail kerana dalam bahasa Suriani, *Jibr* (جَبْر) dan *Mīk* (مِيك) bermakna hamba dan *il* bermakna Tuhan.²¹ Imam Jalal al-Dīn al-Suyūti menyatakan dalam riwayat lain dikhabarkan bahawa Jibril bermaksud 'Abd Allāh, manakala Mikail bermaksud 'Ubayd Allāh. Manakala dalam riwayat lain dinyatakan bahawa Isrāfil pula bermaksud 'Abd al-Rahmān. Ada juga riwayat yang menceritakan bahawa Jibril bermaksud khadam Allah SWT. Namun disepakati bahawa setiap kalimah yang bersambung dengan kalimah *-il* membawa maksud hamba Allah.²²

Jibril mempunyai sifat-sifat keagungan seperti mempunyai kekuatan yang luarbiasa,²³ rupa paras yang agung,²⁴ ditaati di kalangan para penghuni langit dan bersifat amanah.²⁵ Tugas utama Jibril adalah untuk menyampaikan wahyu daripada Allah kepada para rasul,²⁶

²⁰ Shihāb ad-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Baghdādī al-Alūsī, *Rūh al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qur'ān al-Ażīm wa al-Sab'i al-Mathānī*, jil. 1 (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), 524.

²¹ Alā' ad-Dīn 'Alī bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Baghdādī al-Khāzin, *Lubab at-Ta'wil fī Ma'āni at-Tanzīl* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah 1995), 63.

²² Al-Suyūtī, *al-Durr al-Manthūr*, 484.

²³ Al-Najm 53: 5-6.

²⁴ Al-Najm 53: 6.

²⁵ Al-Takwir 81: 21.

²⁶ Al-Baqarah 2: 97.

di samping memimpin para malaikat dalam Perang Badar,²⁷ menurunkan azab kepada pengingkar arahan Tuhan,²⁸ berurusan dengan doa dan permintaan manusia²⁹ dan lain-lain. Meskipun disifatkan dengan pelbagai sifat keagungan, Islam menganggap Jibril termasuk dalam hamba Allah yang mempunyai kewajipan dan tanggungjawab terhadapNya. Ia sama sekali tidak mencapai darjat ketuhanan bahkan ia adalah makhluk yang sentiasa taat beribadah kepada Allah SWT dan akan dimatikan apabila sampai masanya kelak.

Holy Spirit dalam Bible

Holy Spirit secara literalnya bermaksud roh yang suci. Ianya merupakan salah satu entiti dalam konsep *trinity* yang diyakini oleh majoriti penganut Kristian.³⁰ Perkembangan pemahaman konsep *Holy Spirit* dalam ajaran Kristian boleh dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama ialah zaman Perjanjian Lama. Ketika ini Bani Israel tidak membezakan antara tuhan dengan roh tuhan.³¹ Mereka akan menggelar segala kuasa tuhan sebagai *ruach* dan segala perbuatan tuhan disandarkan kepada *ruach*. Perkataan *ruach* juga kadangkala dimaksudkan sebagai angin yang menciptakan (Genesis 8:1).

Pendek kata segala kuasa tuhan yang bukan sahaja mematikan dan memusnahkan malah menghidupkan akan

²⁷ Āli ‘Imrān 3: 123-126. Walaupun tidak dinyatakan secara jelas peranan Jibril dalam peristiwa, secara umumnya difahami bahawa Jibril berperanan sebagai pemimpin bala tentera malaikat. Abdul Hamid Kishk, *The World of Angels* (Dār al-Taqwā, t.t), 58.

²⁸ Hūd 11: 82-83.

²⁹ Al-Suyūtī, *al-Durr al-Manthūr*, h. 487

³⁰ Jefferey E. Brower, "Understanding the Trinity", *Logos: A Journal of Catholic Thought and Culture*, jil. 8, (no. 1, 2005), 145, dicapai 17 November 2017.

<https://www3.nd.edu/~mrea/papers/Understanding%20the%20Trinity.pdf>.

³¹ Don Fleming, *Bridgeway Bible Dictionary* (Australia: Bridgeway Publications, 2004), entri: *Holy spirit*.

disebut sebagai *ruach*. Namun, Tuhan menjanjikan bahawa akan tiba masa apabila semua tuhan akan melimpahkan roh tuhan ke atas hamba-hambaNya (Ezekial 36:27). Bani Israel ketika ini memahami bahawa roh tuhan yang dimaksudkan adalah satu entiti lain yang terasing daripada tuhan, bukan tuhan sendiri.³²

Hanya selepas kedatangan Jesus pengertian *Holy Spirit* berkembang ke tahap seterusnya. Pada peringkat ini Jesus dikatakan memiliki *Holy Spirit* yang tidak terhad dalam jasadnya. Ketika zaman ini barulah difahami bahawa tuhan itu Tuhan di syurga, Jesus itu Tuhan di bumi dan *Holy Spirit* sebagai Tuhan yang datang daripada Tuhan dan tinggal dalam jasad Jesus (Isaiah 11:2).³³ Pemahaman konsep *Holy Spirit* pada zaman ini berkembang menjadi satu entiti yang berbeza dari tuhan namun tidak boleh dipisahkan sama dengan Tuhan dan Jesus. Gabungan Tuhan, Jesus dan *Holy Spirit* inilah yang dikenali sebagai *trinity*.

Perbahasan mengenai *Holy Spirit* pernah dibincangkan dalam beberapa persidangan seperti di Alexanderia pada tahun 362M dan Rom pada tahun 375M dan akhirnya diputuskan dalam Persidangan Constantinople (381M) bahawa *Holy Spirit* adalah zat Tuhan yang membentuk *trinity*, bukannya makhluk. Keputusan ini dicapai atas beberapa hujah antaranya konsep *Holy Spirit* tidak pernah disebutkan secara jelas dalam teks suci bahawa ianya adalah makhluk tuhan dan *Holy Spirit* tidak menempati sebarang tempat berbeza dengan para rasul dan *angels* yang menempati tempat tertentu.³⁴

³² *Ibid.*

³³ *Ibid.*

³⁴ Philip Schaff, *History of the Christian Church Volume III: Nicene and Post-Nicene Christianity. A.D. 311-600* (Michigan: Christian Classic Ethereal Library, t.t), 576.

Holy Spirit disimbolkan dengan burung merpati (Matthew 3:16) sama ada secara literal atau perumpamaan, kerana merpati dianggap sebagai makhluk yang sangat tenteram, jinak dan bijaksana.³⁵ Dalam Perjanjian Baru, *Holy Spirit* merujuk kepada manifestasi kuasa agung yakni tuhan (*manifestation of divine power*) yang dihantar kepada umat manusia untuk memahami hakikat Tuhan.³⁶ Menurut V.E. Vines, *Holy Spirit* merujuk kepada sifat suci tuhan, salah satu daripada personaliti tuhan, kerja tuhan yang menaungi Jesus Christ dan juga sekalian penganut Kristian. Beliau menyebutkan:

*"The subject of the "Holy Spirit" in the NT (New Testament) may be considered as to His divine attributes; His distinct Personality in the Godhead; His operation in connection with the Lord Jesus in His birth, His life, His baptism, His death; His operations in the world; in the church; His having been sent at Pentecost by the Father and by Christ; His operations in the individual believer; in local churches; His operations in the production of Holy Scripture; His work in the world, etc."*³⁷

Paul pula menggambarkan *Holy Spirit* sebagai suatu kesedaran atau kuasa yang tinggal dalam jasad seseorang yang berinteraksi dengan roh mereka dan kadangkala mampu berinteraksi dengan Tuhan (Rom 8: 25-27).³⁸ Oleh itu dapat disimpulkan bahawa antara ciri utama *Holy Spirit* ialah ia menempati (*indwelling*) individu-individu tertentu

³⁵ Matthew Henry's Commentary, <https://www.biblegateway.com/passage/?search=Matthew+3&version=NIV&resource=matthew-henry>

³⁶ James R. Adair, *Introducing Christianity* (Abingdon: Routledge, 2008), 362.

³⁷ V.E. Vines, *Vine's Complete Expository Dictionary of Old and New Testament Words*.

³⁸ Adair, *Introducing Christianity*, 363.

untuk menghubungkan seseorang dengan Tuhan khusunya pada era Perjanjian Baru.³⁹

i. Fungsi *Holy Spirit*

Secara umumnya *Holy Spirit* difahami sebagai roh Tuhan dan Jesus yang tidak dapat dipisahkan sama sekali. Walaupun *Holy Spirit* dianggap sebagai Christ, ianya dipercayai dianugerahkan kepada pengikut-pengikut Jesus selepas ketiadaannya di muka bumi.⁴⁰ *Holy Spirit* dalam kepercayaan Kristian boleh dirumuskan mempunyai fungsi berikut:

1. Membantu pengikut Jesus menyebarluaskan ajaran Kristian: "*Then Peter, filled with the Holy Spirit, said to them: "Rulers and elders of the people!"*" (Acts: 4:8)
2. Memberkati para pengikut dan menyelamatkan mereka (*salvation*): "*And you also were included in Christ when you heard the message of truth, the gospel of your salvation. When you believed, you were marked in him with a seal, the promised Holy Spirit. Who is a deposit guaranteeing our inheritance until the redemption of those who are God's possession—to the praise of his glory.*" (Ephesians 1: 13-14)
3. Memandu mereka mengikut jalan Tuhan: "*Those who belong to Christ Jesus have crucified the flesh with its passions and desires. Since we live by the Spirit, let us keep in step with the Spirit.*" (Galatians 5: 24-25)
4. Memandu para pengikut dalam beribadah dan penyembahan: "*And pray in the Spirit on all occasions with all kinds of prayers and requests.*

³⁹ Robert V. McCabe, "Were Old Testament Believers Indwelt by the Spirit?", *Detroit Baptist Seminary Journal*, vol. 9, (2004), 217.

⁴⁰ Galatian 4:6 menyatakan: "*Because you are his sons, God sent the Spirit of his Son into our hearts, the Spirit who calls out, "Abba, Father."*

With this in mind, be alert and always keep on praying for all the Lord's people." (Ephesians 6: 18)

5. Memahami isi kandungan kitab suci iaitu arahan Tuhan (*words of God*) dengan sebenar-benarnya: "*For who knows a person's thoughts except their own spirit within them? In the same way no one knows the thoughts of God except the Spirit of God. What we have received is not the spirit of the world, but the Spirit who is from God, so that we may understand what God has freely given us.*" (1 Corinthians 2: 11-12)

ii. Keceluaran Konsep *Holy Spirit*

Konsep *Holy Spirit* sebagai salah satu entiti dalam *trinity* nyata mengakibatkan banyak permasalahan untuk memahaminya termasuk di kalangan penganut Kristian sendiri. Malahan perbincangan berkenaan *Holy Spirit* jarang dilakukan secara ilmiah dan menyeluruh berbanding perbincangan mengenai Tuhan Bapa dan Tuhan Anak. Hal ini berlaku disebabkan beberapa faktor, yang pertama; penyataan berkenaan *Holy Spirit* dalam Bible adalah terhad berbanding Tuhan Bapa dan Tuhan Anak (Jesus). Kedua; keupayaan imaginasi yang kukuh (*concrete imagination*) untuk menggambarkan konsep ini adalah terhad. Konsep Tuhan Bapa sebagai entiti Tuhan di langit mudah digarap begitu juga Jesus yang dianggap Tuhan yang dihantar ke bumi. Berbeza pula dengan *Holy Spirit* yang tidak dapat diperjelaskan di mana kedudukannya. Ketiga; masalah untuk menghubungkan ketiga-tiga entiti ini yang boleh memberi gambaran bahawa *Holy Spirit* berada di kedudukan di bawah Tuhan Bapa dan Jesus. Keadaan (*nature*) *Holy Spirit* yang bukan tergolong dalam kedua-duanya, namun ia tidak boleh dipisahkan; membuatkan sarjana Kristian menghadapi kesukaran untuk

membahaskan berkenaaninya.⁴¹ Jefferey E. Brower mengesahkan perkara ini:

“The doctrine of the Trinity poses a deep and difficult problem. On the one hand, it says that there are three distinct Persons—Father, Son, and Holy Spirit—and that each of these Persons “is God”. On the other hand, it says that there is one and only one God. So it appears to involve a contradiction. It seems to say that there is exactly one divine being, and also that there is more than one. How are we to make sense of this?”⁴²

Sarjana Kristian sejak dahulu cuba merungkai persoalan *Holy Spirit* dalam *trinity* namun sehingga kini tidak ditemui satu penjelasan yang memuaskan. Pelbagai cara untuk memahami konsep ini telah cuba dikemukakan antaranya menggunakan *social analogy*, *psychological analogy* dan *the lump-statue analogy*.⁴³ Namun setelah zaman berzaman kesemuanya diperakui gagal menjawab soal ini secara keseluruhan kerana ianya hanya akan membawa kepada kesimpulan yang buntu. Akhirnya ianya dianggap sebagai ‘*divine mysteries*’ yang tidak mungkin dapat difahami oleh manusia.⁴⁴

Konsep *Holy Spirit* menurut Kristian juga membawa implikasi yang besar dalam keabsahan konsep Tuhan. Seperti mana yang telah dijelaskan pengikut Kristian mempercayai bahawa para rasul dalam Kristian

⁴¹ Millard. J. Erickson, *Christian Theology* (Michigan: Baker Book House, 1990), 847.

⁴² Brower, *Logos*, 145.

⁴³ Ketiga-tiga jenis analogi ini merupakan cubaan untuk menggantikan analogi ringkas ‘air yang mengambil pelbagai bentuk iaitu cecair, wap dan pepejal’ dan ‘sebiji telur yang mengandungi telur putih, telur kuning dan kulit’ yang telah bukti semakin menambahkan kekeliruan kerana analogi ‘air’ akan membawa kepada faham *modalism* manakala analogi ‘telur’ pula akan membawa faham *separatism*. *Ibid.*

⁴⁴ *Ibid.*

menyampaikan ajaran mereka dengan bantuan dan petunjuk daripada *Holy Spirit*. Mereka mendakwa teks suci Kristian iaitu Bible yang dipenuhi pelbagai perkara ajaib adalah kebenaran yang tidak pernah diketahui oleh manusia sebelumnya. Oleh itu ianya bukanlah hasil tangan manusia tetapi ianya hasil kerja *Holy Spirit*. Ia dianggap sebagai kalam Tuhan yang suci, sempurna dan bebas daripada kesilapan.⁴⁵

Namun, banyak kajian ilmiah telah membuktikan bahawa Bible mengandungi pelbagai kesilapan, kesalahan dan percanggahan antara satu pernyataan dengan pernyataan yang lain, sama ada percanggahan fakta sejarah atau percanggahan usul kepercayaan.⁴⁶ Seandainya ianya dianggap sebagai kalam Tuhan melalui *Holy Spirit*, percanggahan sedemikian tidak akan berlaku sama sekali. Sekiranya pengikut Kristian tetap beranggapan sedemikian, jelaslah bahawa konsep Tuhan menurut mereka adalah Tuhan yang tidak sempurna kerana Tuhan telah melakukan kesalahan. Sebaliknya andai mereka menolak dakwaan ini dengan mengatakan kesilapan itu adalah disebabkan kesalahan manusawi misalnya kesilapan penterjemahan, jelaslah bahawa *Holy Spirit* tidak menempati para penulis Bible seperti mana yang didakwa.

Adakah *Rūh al-Qudus* Sama Dengan *Holy Spirit*?

Setelah diamati konsep *Rūh al-Qudus* dan *Holy Spirit*, dapat disimpulkan kedua-duanya merujuk kepada entiti yang sama sekali berbeza meskipun menggunakan terma yang serupa. Dalam Islam, *Rūh al-Qudus* secara jelas merujuk kepada malaikat Jibril, salah satu makhluk Allah SWT yang secara mutlak terpisah daripada zat Tuhan.

⁴⁵ R.A. Torrey, *The Person and Work of the Holy Spirit as Revealed in the Scriptures and in Personal Experience* (Fleming H. Revell Company, 2009), 187.

⁴⁶ Muḥammad ‘Abd al-Qādir al-Malkāwī, *Mukhtaṣar Kitāb Iż-ḥār al-Haqq* (Saudi Arabia: Wizārah al-Shu’ūn al-Islāmiyyah wa al-Awqāf, 1995).

Selaku makhluk, Jibril termasuk dalam kalangan hambaNya dan sama sekali tidak mempunyai ciri-ciri ketuhanan. Malaikat Jibril juga menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan khususnya menjadi penghubung kepada para nabi dan rasul untuk menyampaikan wahyu Ilahi. Jibril biasanya datang kepada para rasul dengan menjelma dalam bentuk manusia atau bentuk yang mudah diterima oleh manusia dan ada kalanya dalam rupa bentuk sebenar.

Manakala *Holy Spirit* pula dianggap oleh penganut Kristian sebagai pecahan dari zat Tuhan yang membentuk *trinity*. Berlainan dengan *Rūh al-Qudus*, *Holy Spirit* bukanlah malaikat meskipun ia menjalankan beberapa fungsi yang seakan sama dengan malaikat dalam Islam. Antara perbezaan yang penting untuk digariskan ialah *Holy Spirit* menempati diri penganut Kristian untuk menjalankan fungsinya ke atas manusia. Ini amat berbeza dengan *Rūh al-Qudus* yang tidak menempati diri mana-mana manusia hatta para nabi dan rasul sekali pun. *Rūh al-Qudus* adalah satu entiti yang berasingan daripada Tuhan dan manusia. Oleh itu jelaslah bahawa *Rūh al-Qudus* dan *Holy Spirit* membawa pengertian yang amat berbeza.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu Berkenaan *Holy Spirit* dalam agama Kristian yang boleh dikaitkan dengan konsep *Rūh al-Qudus* dalam Islam. Dalam beberapa kenyataan Bible, *Holy Spirit* dikaitkan pula dengan malaikat (*angel*). Hal ini sedikit sebanyak menyumbang kepada kekeliruan dalam konteks perbandingan Islam-Kristian. Bible merekodkan:

"In all their affliction He was afflicted, and the Angel of His Presence saved them; In His love and in His pity He redeemed them; and He bore them and carried them all the days of old."

(Isaiah 63:9)

Perkataan *angel of His Presence* di sini bermaksud *angel* yang paling tinggi, yang paling hebat, yang paling

dekat dengan Tuhan. Dalam Kristian ianya membawa maksud sama ada Gabriel atau Micheal. Walau bagaimanapun *angel of His Presence* ini diterjemahkan pula kepada *Holy Spirit* kerana ayat ini sebenarnya menceritakan berkenaan *Holy Spirit*.⁴⁷ Maka hal ini akan memberi pemahaman bahawa *Holy Spirit* ialah termasuk dalam kategori *angel* sedangkan *Holy Spirit* bukanlah dari entiti *angel* sepertimana yang telah dinyatakan.

Dalam sejarah perkembangan ajaran Kristian, ada kelompok yang menolak ketuhanan *Holy Spirit* dan menganggap ianya adalah malaikat yang tertinggi antaranya kumpulan yang digelar sebagai ‘Tropici’.⁴⁸ Menurut mereka, *Holy Spirit* adalah makhluk yang diciptakan daripada tiada menjadi ada (*creature brought into existence out of nothingness*) dan ianya adalah malaikat yang paling tinggi.⁴⁹ Walau bagaimanapun, pandangan kelompok Tropici ini ditentang oleh Athanasius⁵⁰ yang menganggap pemahaman mereka terhadap teks Bible sebagai menyimpang. Malahan mereka dianggap sebagai kufur (*heretic*) dan tidak diiktiraf oleh majoriti pengikut Kristian. Athanasius menegaskan dengan menolak

⁴⁷ Matthew Henry, *Commentary*.

⁴⁸ Tropici merujuk kepada satu kelompok dalam Kristian yang berada di Mesir selepas Persidangan Niccea yang menerima ketuhanan Jesus namun menolak ketuhanan *Holy Spirit*. Brian LePort, *An Introduction to the Letters to Serapion on the Holy Spirit by Athanasius of Alexandria* (Western Seminary, 2010).

⁴⁹ Erickson, *Christian Theology*, 850.

⁵⁰ St. Athanasius of Alexanderia (293-373) dianggap sebagai tokoh Kristian di Mesir yang melindungi ajaran Kristian daripada ‘kekufturan’ golongan Arianisme. Beliau turut hadir dalam Persidangan Niccea yang menyaksikan ketuhanan Jesus diiktiraf secara rasmi dalam ajaran Kristian. Encyclopedia Britannica, dicapai 23 November 2017, <https://www.britannica.com/biography/Saint-Athanasius>.

ketuhanan *holy spirit*, ianya bererti menolak ketuhanan Tuhan Bapa itu sendiri.⁵¹

Dalam Kristian, *Rūḥ al-Qudus* merupakan suatu zat yang bersifat ketuhanan (*divine*) manakala dalam Islam *Rūḥ al-Qudus* merujuk kepada malaikat Jibril AS yang sama sekali tidak mempunyai zat Tuhan. Seperti mana yang dijelaskan sebelum ini perkara ini menjadi satu permasalahan yang besar apabila pentafsiran agama masing-masing digunakan kepada konteks yang sama dalam agama yang berbeza. Hal ini mengakibatkan kekeliruan lebih-lebih lagi dalam masyarakat majmuk yang saling berinteraksi dengan pengikut agama lain saban hari. Berkemungkinan juga hal ini menjadi sebab utama isu yang berlaku di Indonesia sepertimana yang berlaku dalam kes Ibu Lia di Indonesia pada 1997.

Apabila pemahaman *Rūḥ al-Qudus* (*Holy Spirit*) menurut Kristian yang dianggap sebagai kesedaran dan roh Tuhan yang mendampingi manusia beriman diaplikasikan dalam pemahaman *Rūḥ al-Qudus* dalam Islam akibatnya berlaku kecelaruan dan kekeliruan sehingga ‘kesedaran’ atau pendamping yang datang itu dianggap sebagai Jibril. Maka, sewajarnya dalam berinteraksi dengan kedua-dua kitab suci iaitu al-Qur’ān dan Bible, perkara ini perlu diperjelaskan untuk mengelakkan berlaku kekeliruan dalam memahami konsep roh suci.

Rumusan

Konsep roh suci wujud dalam kedua-dua tradisi Islam dan Kristian. Ianya memainkan peranan yang penting dalam pembentukan agama masing-masing. Namun penggunaan istilah yang sama tidak bermaksud ianya membawa pengertian yang serupa. *Rūḥ al-Qudus* dalam Islam merujuk kepada Jibril, malaikat yang ditugaskan untuk membawa wahyu kepada para nabi dan rasul. Manakala

⁵¹ C.R.B. Shapland, *The Letters of Saint Athanasius Concerning the Holy Spirit* (London: The Epworth Press: 1951), 37.

Holy Spirit pula merujuk kepada salah satu zat Tuhan yang menempati Jesus Christ dan para pengikut Kristian yang ‘warak’. Perbezaan ini perlu diperjelaskan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dalam konteks interaksi Islam-Kristian. Ini kerana perbezaan yang wujud bukanlah perkara kecil, bahkan ianya perbezaan yang berkaitan dengan konsep ketuhanan.

Rujukan

- Kishk, Abdul Hamid. *The World of Angels*. Dār al-Taqwā, t.t.
- Adair, James R. *Introducing Christianity*. Abingdon: Routledge, 2008.
- Al-Alūsī, Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Baghdādī. *Rūh al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-Azīm wa al-Sab’i al-Mathānī*. Beirut: Dār al-Fikr, 1994.
- Al-Asfahānī, al-Rāghib. *Mufradāt Alfāz al-Qur’ān*. Damsyik: Dār al-Qalam, 2009.
- Al-Baghawī, Abū Muḥammad al-Ḥusayn bin Mas`ūd. *Ma’ālim at-Tanzīl*. Riyadh: Dār Tayyibah, 1988.
- Brower, Jefferey E. “Understanding the Trinity”, *Logos: A Journal of Catholic Thought and Culture*. jil. 8. no. 1, 2005.
<https://www3.nd.edu/~mrea/papers/Understanding%20the%20Trinity.pdf>
- Al-Burūsawī, Ismā‘īl Haqqī. *Tafsīr Rūh al-Bayān*. Dār al-Arba‘ah Uthmaniyyah, t.t.
- Erickson, Millard. J. *Christian Theology*, cet. ke-7. Michigan: Baker Book House. 1990.
- Fatwa Dewan Pimpinan Majlis Ulama Indonesia Tentang Malaikat Jibril Mendatangi Manusia, <http://mui.or.id/wp-content/uploads/2014/05/09.-Fatwa-Dewan-Pimpinan-MUI-Tentang-Malaikat-Jibril-Mendamp.pdf>.
- Flemming, Don. *Bridgeway Bible Dictionary*, Australia: Bridgeway Publications, 2004.

Adam Badrulhisham & Khadijah, "Konsep Roh Suci menurut Islam dan Kristian," *Afkār* Vol. 20 Issue 1 (2018): 85-108

- Ibn Fāris, Abū al-Ḥusayn Aḥmad. *Mu'jam Miqyās al-Lughah*. jil. 2. Damsyik: Dār al-Fikr, 1979.
- Ibn Manzūr, Abū Fadhl Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukram. *Lisān al-‘Arab*. jil. 2. cet. 1. Beirut: Dār Ṣādir, 1990.
- Ibn Manzūr, Abū Fadl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram. *Lisān al-‘Arab*. jil. 5. cet. 3. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 2012.
- Al-Khāzin, Alā ‘al-Dīn ‘Alī bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Baghdādī. *Lubab al-Ta‘wīl fī Ma ‘āni al-Tanzīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1995.
- LePort, Brian. *An Introduction to the Letters to Serapion on the Holy Spirit by Athanasius of Alexandria*. Western Seminary, 2010.
<https://westernthm.files.wordpress.com/2010/05/leport-an-introduction-to-the-letters-to-serapion-on-the-holy-spirit-by-athanasius-of-alexandria.pdf>.
- Al-Malkāwī, Muḥammad Aḥmad ‘Abd al-Qādir. *Mukhtaṣar Kitāb Iż-ḥār al-Haqqa*. Saudi Arabia: Wizārah al-Shu’ūn al-Islāmiyyah wa al-Awqāf, 1995.
- Matthew Henry’s Commentary.
<https://www.biblegateway.com/passage/?search=Matthew+3&version=NIV&resource=matthew-henry>
- McCabe, Robert V. “Were Old Testament Believers Indwelt by the Spirit?” *Detroit Baptist Seminary Journal*, vol. 9, 2004.
- Muhammad Fu’ād Abd al-Bāqī. *Al-Mu’jam al-Mufahris li Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*. Kaherah: Dār al-Hadis, 1996.
- Mustafā ‘Āshūr. *‘Ālam al-Malā’ikah Asrāruh wa Khafāyāh*. Kaherah: Maktabah al-Qur’ān, t.t.
- New American Bible (Revised Edition) (NABRE). Washington DC: Confraternity of Christian Doctrine Inc. 2011, <https://www.biblegateway.com>.
- Pereira, Marry Ellen. “The Holy Spirit In The Gospel Of John”, *Leaven*: Vol. 12: Iss. 3, Article 5, 2004.

Adam Badrulhisham & Khadijah, "Konsep Roh Suci menurut Islam dan Kristian," *Afkār* Vol. 20 Issue 1 (2018): 85-108

- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. *Tafsīr al-Kabīr wa Mafātiḥ al-Ghayb*, jil. 3. Beirut: Dār al-Fikr, 1981.
- Schaff, Philip. *History of the Christian Church Volume III: Nicene and Post-Nicene Christianity. A.D. 311-600*. Michigan: Christian Classic Ethereal Library, t.t. (<http://www.ccel.org/s/schaff/hcc3/cache/hcc3.pdf>)
- Shapland, C. R. B. *The Letters of Saint Athanasius Concerning the Holy Spirit*. London: The Epworth Press, 1951.
- Shih-Ching, Judy Tao. "The Holy Spirit In The Qur'an: An Assessment From A Christian Perspective". (Disertasi Sarjana University of Stellenbosch, South Africa), 2006.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. *Al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr*, jil. 1. Kaherah: Markaz Ḥajr li al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-'Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2003.
- Torrey, R.A. *The Person and Work of the Holy Spirit as Revealed in the Scriptures and in Personal Experience*. Fleming H. Revell Company, 2009.
- Vines, V.E. *Vine's Complete Expository Dictionary of Old and New Testament Words*, t.t.
- Al-Zamakhsharī, Abū al-Qāsim Maḥmūd bin 'Umar. *Al-Kashshāf 'an Haqā'iq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwil fī Wujūh al-Ta'wīl*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2009.

Adam Badrulhisham & Khadijah, "Konsep Roh Suci menurut Islam dan Kristian," *Afkār* Vol. 20 Issue 1 (2018): 85-108